

ZINCOFER CAPSULES

Ferrous Fumarate/Cyanocobalamin/ Folic acid/ Ascorbic Acid/Pyridoxine hydrochloride/ Zinc Sulphate

(350mg/ 5mcg/ 1mg/ 75mg/1.5mg/ 55mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zincofer
2. Bagaimana Zincofer berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zincofer
4. Cara menggunakan Zincofer
5. Semasa menggunakan Zincofer
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zincofer
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Zincofer

Zincofer digunakan untuk mencegah atau merawat sel darah merah rendah disebabkan oleh kurang nutrisi, kehamilan, serangan cacing atau sebab - sebab lain.

Zincofer digunakan semasa kehamilan pada trimester kedua dan ketiga.

Bagaimana Zincofer berfungsi

Zincofer akan menambahkan mineral dan vitamin yang diperlukan untuk perkembangan sel darah merah yang normal.

Sebelum menggunakan Zincofer

- Bila anda tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Zincofer jika anda mempunyai / sedang:

- Alahan (hipersensitif) kepada mana-mana bahan aktif atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)
- Kekurangan vitamin B₁₂
- Mengalami gangguan darah yang jarang berlaku di mana sel darah merah pecah lebih awal.
- Pengumpulan zat besi yang berlebihan dalam badan yang dipanggil *hemosiderosis* atau *haemochromatosis*.
- Ulser perut atau duodenum
- Menjalani pemindahan darah berulang
- Keradangan pada usus.
- Anemia, selain anemia disebabkan kekurangan zat besi

Jangan gunakan ubat ini jika mana-mana perkara di atas berlaku pada anda. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Zincofer.

Sebelum menggunakan Zincofer

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda:

- Sedang dirawat untuk ulser perut atau duodenum
- Mempunyai tumor yang boleh dipengaruhi oleh folate
- Menjalani pembedahan gastrik

Kehamilan dan penyusuan

Sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Zincofer boleh digunakan semasa mengandung dan menyusu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan sihat.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda terutamanya jika anda mengambil:

- *Antacids* (digunakan untuk melegakan pedih ulu hati, senak atau sakit perut.)
- Penicillamine, Sulphasalazine (digunakan dalam rawatan artritis rheumatoid).
- Antibiotik tertentu seperti kumpulan fluoroquinolone, tetracycline, co-trimazole, chloramphenicol, neomycin atau kumpulan sulfonamide.
- Levodopa, carbidopa (ubat untuk penyakit Parkinson)
- Thyroxine (ubat untuk masalah tiroid).
- Bisphosphonate (ubat untuk penyakit tulang).
- Aminopterin atau Methotrexate (digunakan untuk melemahkan

system imun badan dan mengurangkan keradangan).

- Pyrimethamine (ubat untuk merawat Malaria)
- Ubat untuk sawan
- Colestyramine (digunakan untuk mengurangkan kolesterol dan lemak dalam darah).
- Trientine (digunakan untuk mengurangkan kadar kuprum (tembaga) dalam badan pada pesakit yang menghidap penyakit Wilson)
- Methyl dopa (digunakan untuk menurunkan tekanan darah tinggi).

Cara menggunakan Zincofer

Sentiasa gunakan Zincofer seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan ambil Zincofer bersama the, telur, susu atau kopi kerana makanan ini boleh menjejaskan penyerapannya.

- Berapa banyak harus digunakan
Dewasa: Ambil satu biji dengan segelas air

- Bila perlu digunakan

Ambil sekali sehari, selepas makan atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Bagi wanita hamil, boleh mula mengambil kapsul pada kira-kira minggu ke-13 kehamilan.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Zincofer untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan gejala awal seperti sakit perut, muntah, cirit-birit. Gejala lain termasuk gangguan pada aktiviti jantung, diikuti dengan koma mungkin berlaku.

Semasa menggunakan Zincofer

-Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Zincofer.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Zincofer kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Zincofer memberi kesan kepada anda.

Zincofer harus dijauhkan dari capaian kanak-kanak, kerana ia mengandungi zat besi, kerana dos berlebihan mungkin membawa maut.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Zincofer boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut selepas mengambil ubat ini kerana gejala boleh menjadi teruk.

- Ketidakselesaian perut
- Gangguan selera makan
- Rasa Mual
- Muntah
- Sembelit
- Cirit-birit
- Najis berwarna gelap

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Zincofer

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30 °C di tempat yang kering. Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa buangan rumah. Sila rujuk ahli farmasi cara untuk membuang ubat yang tidak digunakan lagi. Kaedah ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna merah yang mengandungi granul berwarna keperangan.

Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Ferrous Fumarate, Cyanocobalamin, Folic Acid, Ascorbic Acid, Pyridoxine hydrochloride, Zinc Sulphate.

-Bahan tidak aktif

Dichloromethane, Acetone, Magnesium Stearate, Colloidal Silicon Dioxide, Povidone K-30, Calcium Carbonate, Sodium Benzoate, Disodium Edetate (EDTA), Cellulose Acetate Phthalate, Lactose dan Hard gelatine capsules.

-MAL number(s):

MAL08111783X

Pengilang

Apex Laboratories Limited
B-23, SIDCO Pharmaceutical Complex,
Alathur – 603 110, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn. Bhd.,
53, Jalan Tembaga SD5/2B, Bandar
Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22.03.2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)220323/00031